

**PENDEKATAN MAHKAMAH UNTUK MENJATUHKAN
HUKUMAN TERHADAP KESALAHAN ZINA, SERTA
IMPLIKASINYA KEPADA WANITA DAN KANAK-KANAK:
KAJIAN KES DI SUDAN**

*(The Courts' Approach to Sentencing for Adultery Offences and its
Implication on Women and Children: A Case Study in Sudan)*

Muhammad Hafiz Mohd. Shukri
msmhafiz@unimas.my

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan,
Universiti Malaysia Sarawak.

Dilah Tuah
tdilah@unimas.my

Fakulti Pengajian Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak.

Abstrak

Makalah ini membincangkan kes mahkamah bagi kesalahan zina dan rogol yang berlaku di Sudan. Kaedah pembuktian bagi kesalahan zina yang dibuat menerusi bukti kehamilan seseorang wanita tanpa disokong oleh bukti lain telah meletakkan wanita dalam situasi yang boleh dianggap sebagai kurang adil kerana dianggap melakukan zina, walhal berkemungkinan dirogol. Pengkategorian kesalahan rogol sebagai salah satu bentuk kesalahan zina dan pendekatan mahkamah yang menggunakan kaedah pembuktian yang sama, iaitu mengemukakan empat orang saksi menyebabkan perogol terlepas daripada hukuman. Cadangan agar jenayah rogol dikategorikan sebagai salah satu kesalahan takzir dan menghadirkan empat orang saksi diubah kepada menerima pakai kaedah pembuktian ujian DNA, keterangan mangsa dan laporan perubatan agar perogol menerima hukuman berat yang setimpal dengan kekejaman terhadap mangsa bagi menyelesaikan kes rogol di Sudan.

Kata kunci: mahkamah, undang-undang jenayah, rogol, zina

Abstract

This article discusses adultery and rape cases in Sudan. Adultery is proven through a woman's pregnancy without the need for further proof, putting the woman in a situation that can be considered unjust, as she is considered to have committed adultery even when she could have been the victim of rape. Furthermore, rape is categorized as a form of adultery, and the courts' approach is the same, i.e. there is a requirement to bring four witnesses. As a result, rapists usually escape punishment. The suggestion is that rape should be categorized as a ta'zir offence, while the requirement for four witnesses should be done away with, while DNA evidence, witness testimony and medical reports should be made admissible to enable the punishment of rapists in a manner that will requite the suffering of the victims.

Keywords: court, Islamic criminal law, rape, adultery

PENDAHULUAN

Secara umumnya, golongan yang memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam telah memfokuskan perjuangan mereka kepada undang-undang jenayah sebagai satu sistem yang perlu dipraktikkan oleh sesebuah kerajaan yang mempunyai masyarakat Islam. Menurut catatan sejarah, perjuangan untuk melaksanakan undang-undang Islam sebenarnya lahir selepas kurun ke-19, iaitu semasa undang-undang jenayah Islam telah beransur-ansur digantikan dengan pemakaian undang-undang Eropah sehingga "disingkirkan" sepenuhnya daripada masyarakat Muslim yang wujud pada ketika itu.

Fokus yang diberikan terhadap undang-undang jenayah berpunca daripada beberapa faktor. Pertama, pelaksanaan undang-undang syariah masih dapat dilihat dengan jelas dalam aspek urusan peribadi (*personal affair*) dan undang-undang keluarga. Oleh itu, perjuangan untuk melaksanakan undang-undang Islam dalam aspek tersebut bukanlah merupakan suatu keperluan yang mendesak. Kedua, bagi jenis kesalahan jenayah yang telah diperuntukkan hukumannya secara jelas menerusi sumber perundangan utama, iaitu al-Quran dan sunah, pihak yang memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam telah berhujah bahawa tiada sebarang justifikasi untuk tidak melaksanakan peraturan yang telah digariskan secara khusus dalam sumber perundangan tersebut. Oleh hal yang demikian, usaha untuk melaksanakan sistem keadilan jenayah syariah perlulah dilakukan oleh sesebuah negara Islam pada masa ini.

Undang-undang jenayah Islam dibahagikan kepada tiga komponen utama, iaitu hukuman hudud, qisas dan takzir. Terma "hudud" yang berasal daripada perkataan *hadd* didefinisikan sebagai suatu bentuk pencegahan,

halangan atau larangan. Hudud merupakan ordinan yang digubal oleh Allah SWT dan berdasarkan terma teknikal yang merujuk jenis jenayah yang telah ditetapkan hukumannya secara khusus menerusi al-Quran dan sunah. Sementara itu, *qisas* pula merangkumi kesalahan seperti membunuh dan mendatangkan kecederaan kepada tubuh badan seseorang. Takzir pula merujuk jenis kesalahan yang hukumannya tidak ditetapkan melalui al-Quran dan sunah. Oleh sebab itu, hukuman bagi kesalahan takzir bergantung pada budi bicara hakim atau pemerintah.¹

Antara ketiga-tiga kategori hukuman tersebut, hukuman hudud merupakan elemen utama yang diperjuangkan oleh sesetengah pihak supaya dilaksanakan dengan efektif dan menyeluruh. Hukuman hudud terdiri daripada enam atau tujuh jenis kesalahan kerana semua mazhab, selain mazhab Maliki tidak mengkategorikan kesalahan melakukan pemberontakan (*rebellion*) sebagai salah satu jenis kesalahan hudud. Antara jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman hudud termasuklah mencuri, berzina, membuat tuduhan zina (*qadhif*), merompak, minum arak dan murtad. Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan mencuri (*hadd al-sariqah*) ialah memotong tangan pencuri dan hukuman bagi kesalahan berzina (*hadd al-zina*) pula ialah sebatan sebanyak 100 kali bagi pesalah yang belum berkahwin dan rejam sampai mati bagi pesalah yang telah berkahwin. Sementara itu, hukuman bagi kesalahan membuat tuduhan zina (*hadd al-qadhif*) pula ialah sebatan sebanyak 80 kali, manakala hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan merompak (*hadd al-hirabah*) ialah memotong tangan dan kaki perompak, hukuman buang daerah, hukuman penjara atau hukuman bunuh. Bagi kesalahan meminum arak (*hadd al-shurb al-khamr*) dan mana-mana minuman yang memabukkan, hukumannya ialah sebatan sebanyak 80 kali dan hukuman bagi kesalahan murtad (*hadd al-ridda*) ialah hukuman bunuh.²

Pada penghujung kurun ke-20, beberapa buah negara Islam yang telah mengalami proses sekularisasi dalam sistem perundangannya telah mengambil inisiatif untuk mengislamisasikan sistem tersebut dengan mengkanunkan undang-undang jenayah Islam dalam bentuk akta dan ordinan supaya dapat dilaksanakan dengan baik. Antaranya, termasuklah Pakistan (Penguatkuasaan Ordinan Hudud 1979),³ Sudan (Kanun Keseksaan 1983),⁴

1 Abdullahi Ahmed An-Na'im, 1990. *Toward an Islamic Reformation: Civil Liberties, Human Rights, and International Law*. Syracuse University Press, hlm. 105.

2 Safwat, Safia, M., 1982. *Offences and Penalties in Islamic Law*. *Islamic Quarterly*, hlm. 175.

3 Imran, Rahat, *Legal Injustices: The Zina Hudood Ordinance of Pakistan and Its Implications for Women* dlm. *Journal of International Women's Studies* 7:2, hlm. 78, 2005.

4 Geetanjali Misra dan Radhika Chandiramani, 2005. *Sexuality, Gender, and Rights – Exploring Theory and Practice in South and Southeast Asia*. New Delhi: Sage Publications India Pte. Ltd., hlm. 201.

Yaman (Kanun Keseksaan 1994),⁵ dan sebagainya. Di Malaysia, negeri Kelantan juga telah memperkenalkan enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 tetapi akhirnya tidak dapat dilaksanakan kerana telah melebihi bidang kuasa perundangan negeri seperti yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.⁶

Di negara yang melaksanakan undang-undang syariah sebagai dasar dalam sistem perundangannya, terdapat beberapa perdebatan hangat telah berlaku. Perdebatan yang kebanyakannya bermotifkan politik akhirnya mengaburkan implikasi sebenar pelaksanaan undang-undang syariah tersebut. Antara isu yang sering dibangkitkan adalah tentang prosedur undang-undang, bukti keterangan yang perlu diaplikasikan di mahkamah, dan sebagainya.⁷

Sehingga hari ini, Malaysia masih lagi tidak melaksanakan undang-undang jenayah Islam sepenuhnya. Ketika kerajaan Kelantan memperkenalkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) pada tahun 1993, sebuah pertubuhan wanita yang dikenali sebagai Sisters in Islam (SIS) telah lantang berhujah bahawa undang-undang jenayah Islam tersebut akan mendiskriminasikan hak wanita. Pengarah eksekutif pertubuhan Sister in Islam, iaitu Puan Ratna Osman telah mengeluarkan kenyataan bahawa Enakmen Hudud yang diperkenalkan oleh Kerajaan Kelantan dianggap melanggar prinsip hak asasi manusia, serta prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam Islam. Hujah ini adalah berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan (II) 1993 yang memperuntukkan bahawa seseorang wanita yang belum berkahwin dan didapati mengandung atau melahirkan anak akan dianggap sebagai telah melakukan perbuatan zina walaupun wanita tersebut berkemungkinan telah dirogol oleh seseorang lelaki. Oleh yang demikian, ketidakupayaan mangsa rogol untuk membawa empat orang saksi ke mahkamah akan menyebabkan mereka dianggap telah melakukan perbuatan zina, manakala perogol wanita tersebut dengan mudahnya dapat melepaskan diri daripada dihukum.⁸ Situasi ini agak mengejutkan kerana kaedah pembuktian bagi kesalahan rogol dalam undang-undang jenayah Islam telah dikritik secara terang-terangan oleh orang Islam. Oleh itu, persoalan tersebut seharusnya dijawab secara ilmiah oleh pihak yang mahir dan arif dalam aspek perundangan jenayah Islam bagi mengelakkan

5 Hanibal Goitom, 2014. *Laws Criminalizing Apostacy in Selected Jurisdictions*. Australia: The Law Library of Congress, Global Legal Research Center, hlm. 15.

6 Ashgar Ali Ali Mohamed, "Implementation of Hudud (or limits ordained by Allah for serious crimes) in Malaysia" dlm. *International Journal of Humanities and Social Science* 2, hlm. 240, 2012.

7 Abdullahi Ahmed An-Na'im, 1990. *Toward an Islamic Reformation: Civil Liberties, Human Rights, and International Law*. Syracuse University Press, hlm. 101.

8 Ratna Osman, 2011. "Hudud Law Discriminatory". <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.908.121>. [25 April 2012]

timbulnya sebarang persepsi yang tidak baik terhadap undang-undang ciptaan Allah SWT.

Persoalan yang ditimbulkan oleh pertubuhan Sisters in Islam adalah berkait rapat dengan kaedah pembuktian bagi kesalahan zina dan rogol. Kes mahkamah bagi kesalahan zina dan rogol yang berlaku di Sudan akan dianalisis dan dijadikan sebagai sandaran untuk mencari formula terbaik bagi meleraikan kes yang sama berlaku di Malaysia.

ASPEK PERUNDANGAN JENAYAH ISLAM BAGI KESALAHAN ZINA

Takrifan Perbuatan Zina dari Perspektif Islam

Imam Syafii mendefinisikan zina sebagai “memasukkan zakar ke dalam faraj yang diharamkan kerana zatnya tanpa adanya syubhah dan menurut tabiatnya menimbulkan syahwat”. Manakala, menurut pendapat Imam Hanafi, zina ialah:

Nama daripada persetujuan yang haram dalam (*qubul*) kemaluan perempuan yang masih hidup dalam keadaan *ikhtiar* (tanpa paksaan) dalam negeri yang adil yang dilakukan orang-orang kepadanya berlaku hukum Islam dan wanita tersebut bukan miliknya dan tidak ada syubhah dalam miliknya.⁹

Berdasarkan pandangan ulama yang muktabar, iaitu Anwarullah (2008) merumuskan bahawa:

Zina merupakan hubungan seksual yang dilakukan secara suka rela antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang belum berkahwin secara sah. Islam bukan sahaja melarang perbuatan zina semata-mata, malahan segala perbuatan yang menghampiri perbuatan zina turut ditegah oleh Allah SWT.¹⁰

Allah SWT telah berfirman dalam *Surah al-Isra'*, ayat 32 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”.¹¹

(*Surah al-Isra'* 17:32)

9 Abd al-Qadir Audah, 1994. *At-Tasyri' al-Jinaiy al-Islamiy*. Juzuk II. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, hlm. 349.

10 Anwarullah, 2008. *The Criminal Law of Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm. 113.

11 *Surah al-Isra'* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/17> (Capaian pada 12 April 2012).

Berhubung dengan larangan Allah SWT dalam ayat tersebut, Yusuf al-Qaradawi menegaskan bahawa apabila Islam melarang sesuatu, maka larangan tersebut akan menutup semua saluran yang menghampiri perbuatan yang dilarang itu. Hal ini bermakna setiap langkah yang membawa berlakunya perbuatan tersebut adalah dilarang. Sehubungan dengan itu, apa-apa sahaja perbuatan yang menaikkan nafsu dan membawa berlakunya hubungan seks antara lelaki dengan perempuan, serta menggalakkan perlakuan lucah adalah haram.¹²

Hukuman bagi Kesalahan Zina menurut Prinsip Undang-undang Jenayah Islam

Terdapat kira-kira tiga kategori hukuman bagi kesalahan zina menurut perspektif Islam, iaitu hukuman sebat 100 kali, rejam sampai mati dan hukuman buang negeri. Namun, penetapan hukuman bagi kesalahan zina dalam sesuatu kes bergantung pada keadaan pesalah tersebut sama ada individu tersebut telah berkahwin (*muhsan*) atau individu tersebut belum berkahwin (*ghayr muhsan*).¹³

Sebagai contoh, hukuman sebat 100 kali bagi kesalahan zina telah diperuntukkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam *Surah al-Nur*, ayat 2 yang bermaksud:

*“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan daripada orang-orang yang beriman”.*¹⁴

(*Surah al-Nur* 24:2)

Peruntukan hukuman bagi kesalahan zina yang terdapat dalam ayat al-Quran tersebut bersifat umum, iaitu adalah untuk pesalah yang belum berkahwin dan sudah berkahwin. Namun, berdasarkan sumber daripada sunah Nabi Muhammad SAW, ayat al-Quran tersebut hanya terpakai kepada pesalah yang belum berkahwin dan hukuman yang diperuntukkan ialah hukuman sebat sebanyak 100 kali. Rasulullah SAW juga telah bersabda dalam

12 al-Qaradawi, Yusuf, 2001. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. Terj. El-Hebawy, Kamal; Moinuddin Siddiqui, M; Syed Shukry. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust. hlm. 149.

13 Safwat, Safia, M., 1982. *Offences and Penalties in Islamic Law. Islamic Quarterly*, hlm. 174.

14 Tafsir Al-Quran Bahasa Melayu. Surah An-Nur. <http://www.surah.my/24>. [25 April 2012]

satu hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

*“Perbuatan membunuh seseorang Muslim adalah tidak dibenarkan, kecuali dalam tiga kes: (i) apabila dia telah membunuh orang lain, (ii) apabila dia telah melakukan perbuatan zina selepas berkahwin, dan (iii) apabila dia telah murtad”.*¹⁵

(al-Bukhari)

Selain itu, terdapat satu lagi hadis Rasulullah SAW yang sering dirujuk oleh para ulama, iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.:

*“Seorang lelaki (Maiz ibn Malik) telah datang kepada Rasulullah SAW semasa Baginda sedang duduk di dalam masjid. Selepas itu, lelaki tersebut pun berkata, ‘Saya telah melakukan hubungan seks haram (zina)’. Baginda kemudiannya berpaling muka daripada lelaki tersebut. Lelaki itu seterusnya pergi ke arah tempat Baginda memalingkan mukanya dan berkata, ‘Saya telah melakukan hubungan seks haram’. Kemudian, Baginda sekali lagi memalingkan mukanya ke arah lain dan lelaki tersebut pergi ke arah tempat Baginda memalingkan mukanya. Selepas lelaki tersebut membuat pengakuan sebanyak empat kali, Baginda pun memanggil lelaki tersebut dan berkata, ‘Adakah kamu gila?’. Lelaki itu pun menjawab, ‘Tidak, ya Rasulullah’. Kemudian Baginda pun berkata, ‘Adakah kamu telah berkahwin?’. Lelaki tersebut pun membalas, ‘ya’. Baginda seterusnya berkata (kepada orang ramai), ‘Bawa dia pergi dan rejamah dia dengan batu sampai mati’”.*¹⁶

(Abu Hurairah)

Berdasarkan autoriti tersebut, jelaslah bahawa hukuman terhadap kesalahan zina bagi individu yang belum berkahwin ialah 100 kali sebatan, manakala hukuman bagi golongan yang telah berkahwin ialah rejam sampai mati.

Beban dan Tahap Pembuktian bagi Kesalahan Zina dari Perspektif Undang-undang Islam

Secara ringkasnya, dalam prinsip perundangan dan kehakiman Islam, seseorang itu dianggap tidak bersalah atau bebas daripada sebarang liabiliti sehingga dibuktikan sebaliknya. Oleh sebab seseorang itu dianggap tidak bersalah,

15 Bukhari, Muhammad, 1987. *The Translations of the Meaning of Sahih Al-Bukhari*. Diterjemahkan oleh M. Khan. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 57.

16 Sahih al-Bukhari, 1997. *Kitab al-Hudud*. Jilid 8. Riyadh: Darul Salam, hlm 207.; Mukhtasar Sahih al-Bukhari, 1994. *Summarized Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Darul Salam, hlm. 563. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).

maka beban pembuktian secara umumnya terletak pada pihak pendakwa untuk membawa bukti yang boleh meyakinkan mahkamah bahawa orang yang dituduh benar-benar bersalah tanpa sebarang keraguan (*beyond any shadow of doubt*).

Para fuqaha juga telah berijmak bahawa bagi membuktikan sesuatu kesalahan hudud, pihak pendakwa hendaklah membuktikan sesuatu pendakwaan itu sehingga ke peringkat yakin. Yakin bererti “suatu keadaan atau petunjuk yang kuat dan mencapai ketenangan kerana kebenaran tentang sesuatu perkara sehingga tiada lagi perasaan berbelah-bahagi atau ragu-ragu”.¹⁷

Selain itu, adalah tidak memadai bagi pihak pendakwa dalam sesuatu kes jenayah Islam sekiranya mereka hanya membuktikan pendakwaan di mahkamah sehingga ke peringkat *dzan* sahaja. *Dzan* ialah apabila satu daripada dua keadaan lebih kuat dan berat daripada yang satu lagi tetapi tidak menerima apa-apa yang lebih berat dan kuat itu, serta tidak pula menolak yang satu lagi.¹⁸ Prinsip ini berdasarkan firman Allah SWT dalam *Surah Yunus*, ayat 36 yang bermaksud:

“Dan kebanyakan mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu daripada kebenaran (iktiqad). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa-apa yang mereka lakukan”.¹⁹

(*Surah Yunus*10:36)

Walau bagaimanapun, *dzan* yang diperkuat (*dzan al-ghalib*) sehingga menghampiri kebenaran atau menghampiri peringkat yakin (*qarib ila al-yaqin*) boleh diterima sebagai tahap pembuktian dalam sesetengah kes jenayah. *Ghalabat al-dzan* bermaksud apabila seseorang mukhalaf teragak-agak antara dua perkara sehingga ada perkara atau faktor lain yang memberatkan salah satu daripadanya. Oleh itu, dalam situasi ini, hati lebih cenderung kepadanya dengan menolak kemungkinan yang satu lagi.²⁰

Sehubungan dengan itu, mahkamah, secara umumnya tidak boleh mensabitkan hukuman hudud terhadap tertuduh dalam sesuatu kes zina,

17 Ali Ahmad al-Nadwi, 2000. *Al-Qawaid al-Fiqhiyah: Maflumuha, Nashatuha, Tathawwuruha, Dirasatu Mualallafatiha Adillatuha, Muhimmatuha, Tathbiqatuha*. Damsyik: Dar al-Qalam, hlm. 358.

18 Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin, 1979. *Radal-Muhtar ‘ala al-Dar al-Mukhtar*. Edisi Kedua. Jilid 1. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 247.

19 *Surah Yunus* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/10> (26 April 2012).

20 Ali Ahmad al-Nadwi, 2000. *Al-Qawaid al-Fiqhiyah: Maflumuha, Nashatuha, Tathawwuruha, Dirasatu Mualallafatiha Adillatuha, Muhimmatuha, Tathbiqatuha*. Damsyik: Dar al-Qalam, hlm. 359.

sekiranya terdapat keraguan bahawa tertuduh tidak melakukan perbuatan zina. Hal ini adalah berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Tolaklah hudud dengan adanya keraguan (syubhah) dalam kes orang Islam apabila kamu boleh melakukannya dan apabila ada jalan keluar untuknya, maka bersihkanlah jalannya. Lebih baik jika seseorang ketua itu tersilap dalam memberikan kemaafan daripada tersilap menjatuhkan hukuman”.²¹

(Surah Yunus 10:36)

Namun, tertuduh dalam sesuatu kes jenayah Islam tidak boleh dilepaskan begitu sahaja tanpa dikenakan sebarang hukuman apabila terdapat sebarang keraguan dalam kes tersebut kerana tertuduh masih boleh dijatuhkan hukuman takzir sekiranya syarat telah dipenuhi.

Kaedah Pembuktian bagi Kesalahan Zina

Ikrar

Ikrar (pengakuan bersalah) diterima sebagai salah satu daripada cara untuk membuktikan kesalahan zina. Prinsip ini berdasarkan kes *Maiz bin Malik* yang telah dijatuhkan hukuman rejam oleh Nabi Muhammad SAW setelah Maiz membuat pengakuan sebanyak empat kali bahawa dia telah berzina.²²

Antara elemen terpenting yang perlu wujud dalam sesuatu pengakuan (ikrar) ialah pengakuan tersebut hendaklah dilakukan tanpa sebarang tekanan atau paksaan daripada mana-mana pihak. Pengakuan yang dibuat atas faktor tekanan atau paksaan akan dianggap sebagai tidak sah. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang bermaksud:

“Umatku telah dikecualikan daripada liabiliti bagi sesuatu tindakan yang dilakukan kerana tersilap, terlupa dan apabila mereka dipaksa untuk melakukannya”.²³

(Ibnu Majah)

Walau bagaimanapun, para ulama berbeza pandangan tentang bilangan pengakuan yang perlu dilakukan oleh tertuduh bagi membuktikan bahawa dia benar-benar telah berzina. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad

21 al-Shawkani, Nayl al-Awtar, 1973. *Bab Anna al-Hadd Yasqut al-Syubhat*. Jilid 7. Hadis No. 4041. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 92.

22 Sahih al-Bukhari, 1997. *Kitab al-Hudud*. Jilid 8. Riyadh: Darul Salam, hlm 207.; Mukhtasar Sahih al-Bukhari, 1994. *Summarized Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Darul Salam, hlm. 563. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).

23 Mustafa al-Bugha dan Muhyiddin Misto, 1995. *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., hlm. 445.

berpendapat bahawa bagi membuktikan sesuatu perbuatan zina melalui pengakuan bersalah, tertuduh hendaklah membuat pengakuan sebanyak empat kali di mahkamah seperti yang telah berlaku dalam kes *Maiz bin Malik*. Namun, Imam Malik dan Imam Syafii pula berpendapat bahawa hanya sekali pengakuan sahaja telah cukup untuk membuktikan kesalahan zina kerana pengakuan merupakan suatu bentuk maklumat dan tidak memerlukan pengulangan. Hujah ini berdasarkan satu hadis Nabi Muhammad SAW yang menerangkan bahawa Baginda telah menyuruh Unais supaya pergi berjumpa dengan seorang wanita. Sebelum itu, seorang lelaki telah mengaku bahawa dia telah berzina dengan wanita tersebut. Oleh itu, apabila wanita tersebut mengaku bahawa dia juga telah berzina, maka Baginda mengarahkan supaya wanita itu disebat. Walau bagaimanapun, dalam hadis ini Baginda tidak menyatakan pengakuan tersebut perlu dibuat sebanyak empat kali.²⁴ Secara keseluruhannya, pengakuan tertuduh telah diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian bagi kesalahan zina, meskipun para ulama mempunyai pandangan berbeza dalam aspek tertentu seperti bilangan pengakuan yang perlu dibuat oleh tertuduh.

Syahadah

Selain pembuktian melalui pengakuan (*iqrar*), keterangan testimoni (*syahadah*) juga boleh diberikan untuk membuktikan kesalahan zina dalam sesuatu kes jenayah Islam. *Syahadah* bermaksud keterangan atau kesaksian yang diberikan oleh seseorang di mahkamah bahawa dia telah melihat kejadian yang menunjukkan sesuatu kesalahan itu berlaku atau dia mempunyai pengetahuan tentang hak yang menjadi pertikaian di mahkamah dengan melafazkan perkataan *ashhadu* atau menggunakan mana-mana ungkapan yang sama maksudnya. Oleh itu, dalam konteks undang-undang jenayah Islam, empat orang saksi diperlukan untuk membuktikan bahawa perbuatan zina telah dilakukan.²⁵ Hal ini bermakna keempat-empat orang saksi tersebut telah menyaksikan perbuatan zina itu dengan jelas, iaitu berlakunya kemasukan zakar ke dalam faraj. Allah SWT telah berfirman dalam *Surah al-Nisa'*, ayat 15 yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) di dalam rumah hingga mereka sampai ajal matinya, atau hingga Allah mengadakan untuk mereka jalan

24 Muslim, 1986. *Sahih Muslim wa Sharh al-Nawawi*. Jilid 11. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 204.

25 *Surah al-Nur*, ayat 4. Lihat terjemahan dalam muka surat seterusnya.

keluar (daripada hukuman itu).²⁶

(Surah al-Nisa'4:15)

Namun, sekiranya bilangan saksi kurang daripada empat orang, maka hukuman hudud tidak boleh dijatuhkan terhadap tertuduh dalam kes tersebut. Walau bagaimanapun, hukuman takzir masih boleh dikenakan sekiranya terdapat bukti yang sahih bahawa perbuatan zina tersebut telah berlaku.

Antara kriteria penting yang perlu ada pada setiap orang saksi ialah saksi tersebut hendaklah merupakan seorang lelaki dan bersifat waras ketika menyaksikan perbuatan zina tersebut berlaku, serta ketika memberikan keterangan di mahkamah. Saksi tersebut juga bukan merupakan seorang yang cacat penglihatan, iaitu buta, mestilah seorang Muslim, adil dan seseorang yang tidak pernah dikenakan hukuman *qadhif* kerana keterangannya tidak boleh diterima.²⁷ Allah SWT telah berfirman dalam *Surah al-Nur*, ayat 4 yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka dengan lapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka ialah orang-orang yang fasik”.²⁸

(Surah al-Nur 4:15)

Oleh itu, berdasarkan autoriti tersebut dirumuskan bahawa perbuatan zina hendaklah dibuktikan dengan kehadiran empat orang saksi yang telah menyaksikan kejadian tersebut. Sekiranya seseorang itu menuduh seseorang yang lain telah berzina tanpa membawa empat orang saksi untuk membuktikan perbuatan tersebut, maka penuduh itu akan dikenakan hukuman *qadhif*, iaitu 80 kali sebatan. Secara ringkasnya, *syahadah* yang diberikan oleh empat orang saksi dalam sesuatu kes zina merupakan antara kaedah yang perlu diaplikasikan bagi membuktikan tuduhan zina terhadap seseorang. Kaedah tersebut telah diperuntukkan dengan jelas menerusi al-Quran dan sunah.

Qarinah

26 *Surah al-Nur* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/4> (Capaian pada 27 April 2012).

27 Abd. al-Rahman al-Shaykh Muhammad, 1998. *Majma' al-Anhur fi Sharh Multaqaa al-Abhur*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Jilid 2, hlm. 185.

28 *Surah al-Nur* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/4> (Capaian pada 27 April 2012).

28 Abdul Karim Zaidan, 1984. *Nizam al-Qada fi al-Shari'at al-Halanyah*. Baghdad: Matbaah al-Ani, hlm. 219.

Qarinah merupakan salah satu kaedah pembuktian yang terdapat dalam undang-undang Islam. *Qarinah* merangkumi sesuatu yang boleh dikesan oleh deria manusia dan menunjukkan kewujudan atau ketiadaan sesuatu yang lain.²⁹

Secara umumnya, kaedah pembuktian menerusi *qarinah* dapat dianalisis menerusi penerangan yang terdapat dalam al-Quran. Al-Quran telah menunjukkan cara untuk membuktikan atau menolak sesuatu tuduhan yang dilemparkan terhadap seseorang tanpa saksi. Sebagai contoh, pendekatan ini dapat dilihat melalui kisah Nabi Yusuf a.s. dan Siti Zulaikha seperti yang telah diungkapkan oleh Allah dalam *Surah Yusuf*, ayat 26–28 yang bermaksud:

“Yusuf pula berkata: “Dialah yang memujukku berkehendakkan diriku”. (Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang daripada keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberikan pendapatnya dengan berkata: “Jika baju Yusuf koyak dari depan, maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf daripada orang-orang yang dusta.”³⁰

Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf adalah dari orang-orang yang benar”³¹

Setelah suaminya melihat baju Yusuf koyak dari belakang, berkatalah ia: “Sesungguhnya ini adalah daripada tipu daya kamu orang-orang perempuan; sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar pengaruhnya”³²

(*Surah Yusuf* 12:26–28)

Berdasarkan kisah yang berlaku antara Nabi Yusuf a.s dengan Siti Zulaikha, secara logiknya kenyataan yang diungkapkan oleh Nabi Yusuf a.s mungkin sukar untuk diterima kerana agak mustahil sekiranya seorang wanita yang terlebih dahulu memulakan langkah atau menunjukkan keinginan untuk melakukan hubungan seks dengan seorang lelaki apabila mereka duduk dalam keadaan berdua-duaan. Namun, teori pembuktian yang dikemukakan oleh salah seorang ahli keluarga perempuan itu telah berjaya membuktikan bahawa Nabi Yusuf a.s. sebenarnya tidak bersalah dalam kes tersebut. Keadaan baju Nabi Yusuf a.s. yang terkoyak dari belakang dapat dijadikan sebagai *qarinah* untuk menolak tuduhan yang dilemparkan oleh Siti Zulaikha terhadapnya. Selain itu, kaedah pembuktian melalui *qarinah*

30 *Surah Yusuf* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/12> [28 April 2012].

31 *Surah Yusuf* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/12> [28 April 2012].

32 *Surah Yusuf* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/12> [28 April 2012].

juga dapat dilihat menerusi beberapa contoh yang lain. Sebagai contoh, kesan cap jari dan hasil ujian asid deoksiribonukleik (DNA) boleh dijalankan bagi menentukan sama ada A ialah anak B ataupun tidak, dan sebagainya.

Jumhur ulama juga telah menerima *qarinah* sebagai salah satu kaedah pembuktian yang boleh diaplikasikan dalam kes, selain kes jenayah hudud. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama tentang penerimaan *qarinah* dalam kes yang melibatkan hukuman hudud. Imam Abu Hanifah, Imam Syafii dan salah satu pendapat daripada Imam Ahmad telah menyatakan bahawa hukuman hudud tidak boleh dijatuhkan terhadap orang yang dituduh melakukan kesalahan hudud, termasuk bagi kesalahan melakukan zina dengan menggunakan kaedah pembuktian melalui *qarinah* kerana terdapat unsur syubhah dalam pemakaian *qarinah*. Dalam sesuatu kes zina, bukti kehamilan seseorang perempuan yang dituduh berzina mungkin juga berpunca daripada berlakunya hubungan seks secara paksaan atau disebabkan oleh faktor lain.³³ Imam al-Syafii pula berpendapat bahawa *qarinah* yang boleh diterima dalam kes zina hanyalah untuk menguatkan kes pihak pendakwa dan mestilah berasaskan ikrar atau *syahadah* yang diberikan oleh empat orang saksi.

Sementara itu, Imam Malik dan Imam Ahmad dalam pendapat lain dan Ibn Qayyim menyatakan bahawa hukuman hudud bagi kesalahan zina boleh dikenakan terhadap seseorang tertuduh berdasarkan bukti kehamilan atau kelahiran anak tertuduh.³⁴ Pendapat kedua ini adalah berdasarkan kenyataan Khalifah Umar ibn al-Khattab dan Khalifah Ali ibn Abi Talib yang menerima bukti kehamilan sebagai *qarinah* dalam kes zina.³⁵

Walaupun bagaimanapun, terdapat sedikit perdebatan tentang isu ini sama ada bukti kehamilan seseorang wanita yang dituduh berzina boleh dijadikan sebagai keterangan atau hujah bahawa wanita itu telah benar-benar berzina. Perbincangan tentang isu ini akan dilakukan menerusi analisis dan kajian terhadap kes jenayah Islam yang berlaku di Sudan.

KAJIAN TERHADAP KES ZINA DAN ROGOL DI SUDAN

Sejarah Ringkas Evolusi Pelaksanaan Undang-undang Islam di Sudan

Sudan merupakan salah sebuah negara Islam di dunia yang melaksanakan

33 al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Khatib, 2000. *Mughni al-muhtaj ila ma 'rifat al-ma'ani alfaz sharh al-Minhaj*. Jilid 4. Beirut: Darul 'Ilmiyyah, hlm. 139.

34 Ahmad, Abdul Mun'im al-Bahai', 1965. *Min Turuq al-Ithbatfi al-Syariah Wafi al-Qanun*. Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabi. hlm. 80.

35 Ibnu Qudamah, t.th. *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jilid 10, hlm. 93 dan 121.

undang-undang Islam sepenuhnya. Sebelum analisis dilakukan terhadap kes zina dan rogol, evolusi pelaksanaan undang-undang Islam di negara tersebut perlu dilihat.

Secara ringkasnya, negara Sudan mula dijajah oleh Inggeris apabila Kapten George Gordon yang merupakan seorang pegawai British telah mengambil alih hampir keseluruhan kawasan di negara itu pada tahun 1877 dan seterusnya menjadi gabenor jeneral di Sudan. Namun, pada tahun 1881, golongan fundamentalis Islam yang diketuai oleh Mahdi telah mula menyatukan puak di utara Sudan. Pada tahun 1885, mereka berjaya menawan bandar Khartoum dan membunuh Charles Gordon. Selepas itu, mahkamah syariah didirikan dan undang-undang Islam dipraktikkan sepenuhnya. Namun, Khartoum dan kebanyakan kawasan lain di Sudan telah menjadi sebahagian daripada empayar British sekali lagi pada tahun 1898 setelah Lord Kitchener melancarkan kempen sejak tahun 1896 untuk merampas kembali tampuk pemerintahan. Seterusnya pada tahun 1902, pihak British telah menggubal Sudan Mohammedan Law Courts Ordinance dan membenarkan masyarakat Muslim di Sudan untuk menggunakan kemudahan mahkamah syariah bagi perkara yang melibatkan undang-undang keluarga dan harta pusaka.

Setelah mendapatkan kemerdekaan pada 1 Januari 1956, struktur asas bagi sistem perundangan di Sudan masih kekal sama. Pertikaian antara masyarakat Muslim yang melibatkan undang-undang keluarga, pemberian dan harta pusaka telah ditentukan di mahkamah syariah, manakala perkara lain diselesaikan mengikut undang-undang *common law*. Walau bagaimanapun, situasi ini berubah pada tahun 1983, apabila diktator Sudan, iaitu Kolonel Jaafar Nimeiri melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya dan mengisytiharkan Sudan sebagai sebuah negara Islam.³⁶

Kajian Kes

(a) *Sudan Government lwn Mariam Ahmad ‘Abdallah [1985]*³⁷

Fakta Kes dan Keputusan Mahkamah

Kes ini bermula pada 1 Jun 1984, apabila Ahmad Muhammad ‘Abdallah telah memfailkan petisyen di mahkamah majistret dan menuduh isterinya, iaitu Mariam Muhammad ‘Abdallah hamil disebabkan oleh lelaki lain selama

36 Ken Benedict Gravelle, "Islamic Law in Sudan: A Comparative Analysis" dlm. 5 *ILSAJ. Int'l & Comp. L.* 1, hlm. 3–4, 1998–1999.

37 t.n., *Sudan Government lwn Mariam Ahmad ‘Abdallah* dlm. *The Sudan Law Journal and Reports*, hlm. 91–103, 1985.

tempoh setahun ketiadaannya. Ahmad mendakwa isterinya juga mengaku bahawa seorang lelaki yang bernama Ibrahim Jar al-Nabi telah mengadakan hubungan seks dengannya. Walau bagaimanapun, berdasarkan fakta kes, defendan kemudiannya telah menarik balik pengakuannya apabila dia mendakwa bahawa perbuatan zina tersebut telah dilakukan tanpa kerelaannya. Satu laporan perubatan telah menunjukkan bahawa Mariam ‘Abdallah didapati mengandung selama tujuh bulan. Seterusnya, dia telah didakwa atas kesalahan melakukan perbuatan zina bersama-sama Ibrahim Jar al-Nabi. Walau bagaimanapun, ketika kedua-dua defendan hadir di mahkamah, nama Ibrahim Jar al-Nabi telah dibersihkan daripada tuduhan zina dan dibebaskan kerana kekurangan bukti. Namun, wanita tersebut didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman rejam sampai mati, iaitu selaras dengan peruntukan yang terdapat di bawah perkara 318(1) Kanun Keseksan 1983 yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan zina seperti yang berikut:

- (1) Sesiapa yang melakukan kesalahan jenayah zina hendaklah dihukum dengan pelaksanaan hukuman rejam sekiranya dia telah berkahwin (*muhsan*) atau dengan 100 kali sebatan sekiranya dia masih dara.
- (2) Lelaki yang belum berkahwin hendaklah dihukum dengan hukuman penjara dan hukuman buang negeri selama setahun sebagai tambahan kepada hukuman sebat.

Seterusnya di mahkamah agung (*supreme court*), hukuman rejam sampai mati tersebut telah dikekalkan oleh mahkamah yang menyemak kes tersebut pada bulan Januari 1985. Mahkamah agung seterusnya menyemak bukti dalam kes ini dengan merujuk Undang-undang Keterangan 1983 yang memperuntukkan bahawa perbuatan zina boleh dibuktikan melalui:

- (a) Suatu pengakuan tersurat di mahkamah yang tidak ditarik balik sehinggalah hukuman dilaksanakan.
- (b) Testimoni daripada empat orang saksi kehakiman yang adil dan testimoni daripada orang lain boleh diambil sekiranya diperlukan.
- (c) Kehamilan wanita tersebut sekiranya dia masih belum berkahwin.
- (d) *Li'an* atau sumpah bersama dalam kes apabila seorang suami telah menuduh isterinya berzina tetapi tiada saksi melainkan dirinya dan suami tersebut mengulangi pertuduhannya sebanyak empat atau lima kali sambil mendoakan supaya dia dilaknat oleh Allah sekiranya

dia tidak menyatakan yang benar.³⁸

Analisis Kes

Dalam kes ini, mahkamah agung memutuskan bahawa defendan didapati bersalah berdasarkan pengakuan defendan sepanjang prosedur perbicaraan kes berserta bukti kehamilannya. Meskipun bukti melalui kehamilan hanya berkait rapat dengan wanita yang belum berkahwin, namun mahkamah agung memutuskan bahawa kriteria tersebut boleh diaplikasikan dalam kes ini disebabkan tempoh masa ketiadaan suaminya yang panjang. Oleh itu, berdasarkan alasan penghakiman, mahkamah agung telah mengekalkan hukuman rejam yang akan dilaksanakan selepas dua tahun kelahiran bayi itu sekiranya bayi tersebut dilahirkan hidup-hidup.

Namun, keputusan mahkamah dilihat sebagai kurang tepat kerana suatu penilaian yang menyeluruh tidak dibuat terhadap segala bukti dan keterangan yang wujud dalam kes ini. Berdasarkan fakta kes, defendan telah menarik balik pengakuannya apabila dia mendakwa bahawa perbuatan zina tersebut telah dilakukan tanpa kerelaannya. Pada peringkat ini, beban pembuktian bagi membuktikan bahawa perbuatan zina tersebut dilakukan dalam keadaan terpaksa terletak pada defendan. Oleh itu, sekiranya seseorang wanita ataupun lelaki telah terbukti melakukan perbuatan zina dalam keadaan terpaksa, maka dia tidak akan dikenakan sebarang hukuman sama ada hudud mahupun takzir. Walau bagaimanapun, seseorang yang memaksa orang lain untuk melakukan hubungan seks dengannya boleh dikenakan hukuman hudud atau takzir. Rasullullah SAW juga pernah bersabda dalam satu hadis yang bermaksud:

*“Umatku telah dikecualikan daripada liabiliti bagi sesuatu tindakan yang dilakukan kerana tersilap, terlupa dan apabila mereka dipaksa untuk melakukannya”.*³⁹

Berdasarkan autoriti tersebut, mahkamah seharusnya menyiasat dengan lebih lanjut dan memerintahkan supaya defendan wanita dalam kes ini mengemukakan bukti yang kukuh bagi membuktikan dakwaan bahawa dia telah dipaksa untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki tersebut. Oleh

38 t.n, “Special Legislative Supplement to the Democratic Republic of the Sudan Gazette” dlm. *Law of Evidence*, 1983.

39 Mustafa al-Bugha dan Muhyiddin Misto, 1995. *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., hlm. 445.

itu, sekiranya wanita tersebut berjaya membuktikan dakwaan tersebut di mahkamah, maka dia tidak akan dikenakan sebarang hukuman dalam kes ini.

Selain itu, kehamilan seseorang wanita yang berlaku tanpa kerelaannya juga mungkin disebabkan dia telah dirogol oleh mana-mana lelaki. Dalam kitab *Al-Muwatta'*, Imam Malik menegaskan:

Keadaan seseorang wanita yang didapati mengandung, tiada suami dan dia berkata, “saya telah dipaksa” atau dia berkata, “saya telah berkahwin” tidak akan diterima dan hukuman hudud akan dijatuhkan ke atasnya melainkan dia mempunyai bukti yang jelas mengenai apa-apa yang didakwanya tentang perkahwinan itu atau bukti yang menunjukkan bahawa dia telah dipaksa atau bukti berlakunya pendarahan sekiranya dia masih dara atau bukti bahawa dia telah meminta tolong daripada seseorang yang telah melihatnya dalam situasi di mana jenayah itu berlaku. Sekiranya dia tidak menghasilkan mana-mana bukti tersebut, hukuman hudud akan dijatuhkan ke atasnya dan apa-apa yang didakwanya tidak akan diterima.⁴⁰

Kenyataan Imam Malik tersebut berlaku seperti insiden yang dilaporkan oleh al-Nazail ibn Sabrah:

Kami berada di Makkah apabila terdapat ramai orang yang sedang mengelilingi seorang wanita dan mereka kelihatan mungkin akan membunuhnya. Mereka menjerit, “Dia telah berzina! Dia telah berzina!”. Kemudian, Umar al-Khattab pun datang. Selepas itu, Umar pun berkata, “beritahu saya apa yang telah berlaku kepada kamu”. Perempuan itu menjawab, “wahai Amirul Mukminin, saya selalu bersembahyang pada waktu malam. Pada suatu malam, saya telah bersembahyang malam dan kemudiannya tertidur tetapi apabila saya bangun, saya mendapati bahawa terdapat seorang lelaki di antara kedua-dua belah kaki saya. Dia melakukannya dengan begitu cepat dan kemudian dia terus pergi. Umar pun berkata, “sekiranya perempuan ini telah dibunuh oleh semua penduduk Makkah, maka Tuhan akan menyeksa mereka semua. Pergilah, kamu dibebaskan.”⁴¹

Berdasarkan autoriti tersebut, Ibn Qudamah yang merupakan salah seorang ulama terkemuka daripada mazhab Hanbali telah menegaskan bahawa hukuman hudud tidak akan dikenakan hanya semata-mata apabila seseorang wanita yang belum berkahwin didapati telah mengandung. Bukti kehamilan tersebut juga mungkin disebabkan oleh hubungan seks yang

40 Imam Malik, 1982. *Al-Muwatta'*. Diterjemahkan oleh Aish Abdarrahman at-Tarjumana dan Ya'qub Johnson. Cambridge: Diwan Press, hlm. 392.

41 Ibn Qudamah. *Al-Mughni*. Jilid 10. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 159.

dilakukan selepas diugut atau akibat dirogol oleh seseorang.

Dengan mengaplikasikan autoriti tersebut kepada kes yang dibincangkan, mahkamah tidak seharusnya mengadili kes ini berdasarkan bukti kehamilan wanita itu semata-mata tetapi juga harus mengambil kira penafian defendan bahawa hubungan seks tersebut berlaku tanpa kerelaannya. Oleh itu, sekiranya wanita tersebut berjaya membuktikan bahawa dia telah dirogol dengan memberikan bukti yang kukuh di mahkamah, maka dia tidak seharusnya dikenakan hukuman rejam sampai mati. Mahkamah hanya menjustifikasikan keputusan dalam kes ini berdasarkan keterangan mengikut keadaan (*circumstantial evidence*) seperti tempoh ketiadaan suami defendan yang panjang dan semasa ketiadaan suaminya, wanita tersebut telah didatangi haid sebanyak lebih daripada sekali. Meskipun suaminya bukan merupakan ayah kepada bayi yang dikandungnya, mahkamah tidak seharusnya terus menyimpulkan bahawa wanita tersebut telah berzina. Terdapat juga kemungkinan bahawa wanita itu telah dirogol dan beban pembuktian terletak pada wanita tersebut.

Sehubungan dengan itu, sekiranya wanita tersebut mendakwa bahawa dia dirogol, kaedah pembuktian bagi kesalahan rogol dalam undang-undang jenayah Islam sama seperti kesalahan zina yang memerlukan kehadiran empat orang saksi lelaki yang menyaksikan perbuatan tersebut. Kesalahan rogol tidak seharusnya diletakkan dalam kategori yang sama dengan kesalahan zina kerana boleh mendatangkan kezaliman kepada mangsa rogol. Hal ini akan menyebabkan mangsa yang membuat laporan polis untuk menyatakan bahawa dia telah dirogol akan dihukum dengan hukuman hudud bagi kesalahan zina, sekiranya dia gagal untuk membawa empat orang saksi di mahkamah. Selain itu, mangsa rogol juga seharusnya dikecualikan daripada menerima sebarang hukuman.

Terdapat juga sebahagian ulama yang mengkategorikan kesalahan rogol sebagai satu bentuk kesalahan *hirabah*. Sayyid Sabiq mentakrifkan *hirabah* sebagai suatu situasi apabila “seorang manusia atau sekumpulan manusia telah menyebabkan kekacauan umum, membunuh, merampas harta atau wang, menyerang atau merogol wanita, dan membunuh ternakan atau merosakkan tanaman”.⁴²

Al-Qurtubi dan Ibn al-‘Arabi telah berhujah bahawa mereka yang keluar di khayalak awam dengan tujuan untuk menautkan manusia, iaitu dengan cara memaksa wanita untuk melakukan hubungan seksual juga termasuk dalam perbuatan *hirabah* bahkan lebih teruk atau lebih buruk daripada mereka yang keluar ke jalan untuk merampas harta manusia.⁴³

42 Sayyid Sabiq, 1993. *Fiqh al-Sunnah*. Edisi 10. Jilid 2. Beirut: Darul Fikr, hlm. 450.

43 al-Dusuki, Muhammad bin Ahmad, 1997. *Hasyiah al-Dusuki Ala al-Sharhu al-Kabir*. Jilid 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 359. Lihat juga Abdur Rahman I, Doi, 1984. *Shariah: The Islamic Law*. London: Taha Publisher, hlm. 253.

Ibnu al-‘Arabi juga turut mencatatkan satu kes yang pernah diadilinya, iaitu sekumpulan orang yang bermusafir telah diserang dan seorang wanita daripada kumpulan itu telah diperkosa. Selepas itu, penjenayah itu ditangkap dan dibawa ke hadapan Ibnu al-‘Arabi. Ibnu al-‘Arabi seterusnya menjatuhkan hukuman berdasarkan hukuman *hirabah* kerana pada pandangannya, kehormatan seseorang lebih bernilai daripada harta benda. *Hirabah* terhadap kehormatan lebih teruk daripada *hirabah* terhadap harta benda.⁴⁴ Allah SWT juga telah menetapkan hukuman bagi kesalahan *hirabah* seperti yang terkandung dalam *Surah al-Maidah*, ayat 33 yang bermaksud:

“Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi adalah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar.”⁴⁵

(*Surah al-Maidah* 5:33)

Namun, sekiranya kesalahan rogol telah dikategorikan sebagai salah satu jenayah *hirabah*, maka undang-undang keterangan bagi kesalahan tersebut hendaklah mengikut undang-undang yang terpakai bagi jenayah *hirabah*. Pihak pendakwa dalam sesuatu kes rogol perlu membuktikan sehingga ke peringkat yakin bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan rogol. Para ulama telah bersepakat bahawa kaedah pembuktian bagi jenayah *hirabah* adalah dengan melalui ikrar daripada tertuduh atau *syahadah* oleh dua orang saksi.⁴⁶

Kesalahan rogol juga berkemungkinan lebih sesuai untuk dikategorikan sebagai salah satu kesalahan takzir kerana bentuk kesalahan dan hukuman bagi kesalahan tersebut tidak ditetapkan secara jelas dalam al-Quran. Sekiranya kesalahan rogol telah ditetapkan sebagai suatu bentuk kesalahan takzir, maka terpulanglah kepada budi bicara pemerintah dan hakim untuk

44 Ibnu al-‘Arabi, Muhammad ibn Ahmad, 1984. *Ahkam al-Quran*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Fikr al-Arabi, hlm. 95.

45 *Surah al-Maidah* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/5> (Capaian pada 30 April 2012).

46 Abdul Kadir Audah, 1997. *At-Tasyri’ al-Jina’i al-Islami*. Jilid 2. Beirut: Muassasah Risalah, hlm. 646.

47 el-Awa, Mohamed Salim, 1983. *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. Delhi: Markazi Maktabah Islami, hlm. 106–09.

menetapkan hukuman yang setimpal kepada perogol. Selain itu, terdapat juga sebahagian fuqaha yang berpendapat bahawa penetapan hukuman takzir dibolehkan lebih berat daripada hukuman hudud.⁴⁷

Oleh itu, seseorang wanita yang dituduh berzina tidak boleh dijatuhkan hukuman hudud sekiranya dia berjaya membuktikan bahawa dia telah diperkosa atau wujudnya perkara lain yang boleh menimbulkan keraguan terhadap tuduhan zina tersebut. Selain itu, tertuduh yang mendakwa dirinya telah dirogol juga tidak perlu mengemukakan empat orang saksi untuk membuktikan tuduhan tersebut.⁴⁸

Persoalannya, adakah mahkamah boleh melepaskan seseorang wanita yang mendakwa dirinya telah dirogol hanya berdasarkan keterangannya sendiri atau wanita tersebut perlu menyokong dakwaannya dengan keterangan (*qarinah*) lain. Oleh sebab kesalahan rogol bukan merupakan salah satu kesalahan hudud, maka pandangan jumhur ulama yang mengatakan bahawa *qarinah* boleh diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian dan boleh diaplikasikan dalam kes, selain daripada kes jenayah hudud perlu dirujuk.⁴⁹

Antara keterangan yang boleh diberikan bagi membuktikan bahawa seseorang wanita itu benar-benar dirogol ialah laporan perubatan, kesan air mani, ujian asid deoksiribonukleik (DNA), pakaian yang koyak, kesan luka dan lebam pada tubuh badan mangsa rogol dan juga perubahan sikap mangsa rogol daripada seorang periang kepada pemurung.

Namun, antara masalah yang sering timbul dalam sesuatu kes rogol ialah seseorang mangsa rogol sering kali lewat untuk membuat laporan polis, gagal untuk mendapatkan pemeriksaan perubatan selepas dirogol, atau tertuduh tidak melawan ketika dirogol kerana terlalu takut. Selepas kehamilan mangsa rogol tersebut diketahui dan dia didakwa di mahkamah, barulah dia membuat pengakuan bahawa dia telah dirogol sebelum itu. Oleh itu, mahkamah seharusnya lebih teliti memeriksa keterangan daripada kedua-dua belah pihak pendakwa dan tertuduh sebelum menjatuhkan hukuman. Walau bagaimanapun, sekiranya pada pengamatan mahkamah, wanita tersebut dilihat sengaja mereka-reka cerita atau sengaja membuat dakwaan bahawa dia telah dirogol sedangkan dia tidak mempunyai sebarang bukti yang kukuh bagi membuktikan dakwaannya seperti kesan air mani atau ujian DNA yang dilakukan, maka mahkamah wajar menjatuhkan hukuman takzir terhadap wanita itu kerana memberikan keterangan palsu di mahkamah, di samping hukuman bagi kesalahan zina. Hal ini akan menghalang seseorang yang telah dituduh berzina supaya tidak mereka-reka cerita semasa perbicaraan kes di mahkamah.

48 Hashim Kamali, 2000. *Islamic Law in Malaysia: Issue and Developments*. Selangor: Ilmiah Publisher, hlm. 145.

49 al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Khatib, 2000. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat al-Ma'ani Alfaz Sharh al-Minhaj*. Jilid 4. Beirut: Darul 'Ilmiyyah, hlm. 139.

Sehubungan dengan itu, Mariam Ahmad ‘Abdallah mendakwa bahawa perbuatan zina tersebut telah dilakukan tanpa kerelaannya dan berkemungkinan dia telah dirogol. Bagi membuktikan dakwaan tersebut, dia perlu membuat ujian DNA dan mendapatkan laporan perubatan, dan sebagainya. Sekiranya dia berjaya membuktikan dakwaan tersebut, maka dia akan dibebaskan daripada tuduhan zina.

Selain itu, Ibrahim Jar al-Nabi yang merupakan tertuduh dalam kes ini menafikan tuduhan zina yang dikenakan terhadapnya. Salah satu pendapat daripada mazhab Hanafi menyatakan bahawa hukuman hudud tidak boleh dijatuhkan terhadap kedua-dua tertuduh dalam kes zina, sekiranya salah seorang daripadanya menafikan perbuatan zina tersebut. Mereka berhujah bahawa penafian yang dibuat oleh salah satu pihak dalam kes tersebut telah mewujudkan keraguan dalam perlakuan kesalahan tersebut kerana zina merupakan kesalahan bersama bagi kedua-dua tertuduh. Walau bagaimanapun, kedua-dua tertuduh itu akan dikenakan hukuman takzir yang ditentukan berdasarkan bukti lain dan situasi dalam kes tersebut. Berdasarkan autoriti tersebut, mahkamah telah mengaplikasikan pendapat yang diutarakan oleh jumur ulama dan seterusnya menjatuhkan hukuman rejam sampai mati terhadap wanita itu, sekalipun Ibrahim Jar al-Nabi telah menafikan tuduhan zina tersebut dan kemudiannya dibebaskan.

Pada pendapat penulis, sememangnya pendapat jumur ulama perlu sentiasa diutamakan. Meskipun Ibrahim Jar al-Nabi telah menafikan tuduhan zina tersebut, namun pengakuannya tidak akan menjejaskan pengakuan wanita itu yang menyatakan dia telah berzina tanpa kerelaannya. Walau bagaimanapun, mahkamah juga seharusnya lebih berhati-hati kerana hukuman hudud tidak boleh disabitkan terhadap tertuduh dalam sesuatu kes zina sekiranya terdapat keraguan bahawa tertuduh itu tidak melakukan perbuatan zina tersebut. Hal ini adalah berdasarkan kepada hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*“Tolaklah hudud dengan adanya keraguan (syubhah) dalam kes orang Islam apabila kamu boleh melakukannya dan apabila ada jalan keluar untuknya, maka bersihkanlah jalannya. Lebih baik jika seseorang ketua itu tersilap dalam memberikan kemaafan daripada tersilap menjatuhkan hukuman”.*⁵⁰

Dalam kes ini, tertuduh iaitu Mariam Ahmad ‘Abdallah mendakwa bahawa dia telah melakukan hubungan seks dengan Ibrahim al-Jar al-Nabi tanpa kerelaannya. Oleh itu, dakwaan tersebut perlu ditentukan kebenarannya dengan disertakan bukti yang kukuh terlebih dahulu sebelum boleh diterima

50 al-Shawkani, t.th. “Bab Anna al-Hadd Yasqut al-Syubhat” dlm. *Nayl al-Awtar*. Jilid 7. Hadis No.4041, hlm. 92.

oleh mahkamah. Sekiranya wanita tersebut gagal membawa sebarang bukti untuk meyakinkan mahkamah bahawa dakwaannya adalah benar, maka dia boleh dikenakan hukuman hudud. Ringkasnya, mahkamah perlu meneliti setiap bukti dan keterangan yang terdapat dalam sesuatu kes sebelum menjatuhkan hukuman agar keadilan dapat diberikan kepada semua pihak.

(b) *Sudan Government lwn Kalthoum Khalifa Ajabna [1992]*⁵¹

Fakta dan Keputusan Mahkamah

Kalthoum Ajabna merupakan seorang janda. Dia didapati telah mengandung hasil hubungannya dengan seorang lelaki yang tidak mempunyai sebarang ikatan perkahwinan secara sah dengannya. Selepas melahirkan anaknya, dia telah menanam bayi tersebut di belakang rumahnya bagi mengelakkan berlakunya dakwaan bahawa dia telah melahirkan anak luar nikah. Pada mulanya, dia tidak membantah kenyataan polis yang menyatakan bahawa dia telah berzina. Namun, apabila mahkamah memutuskan dia didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman rejam sampai mati, dia seterusnya membuat rayuan ke mahkamah agung dan menarik balik pengakuannya sebelum ini.

Semasa membuat rayuan di mahkamah agung, Kalthoum mendakwa bahawa dia telah diperdaya untuk melakukan hubungan seksual dengan seorang pegawai polis yang hanya dikenali sebagai Taj dan dia juga telah mengandung selepas itu. Kemudian, dia mendakwa bahawa pegawai polis tersebut telah mengugut untuk menggunakan kuasanya bagi memenjarakannya jika dia membocorkan identiti pegawai polis tersebut atau mengambil tindakan undang-undang terhadapnya. Selain itu, dia juga menyatakan dalam rayuannya bahawa dia telah mengalami kesusahan yang melampau akibat perceraian ibu bapanya dan dia tinggal bersama-sama ibunya dalam keadaan miskin dan melarat.

Selepas itu, mahkamah agung kemudiannya menolak hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah jenayah. Mahkamah agung memutuskan bahawa walaupun defendan membuat pengakuan pada peringkat soal siasat dan perbicaraan kes bahawa dia telah berzina, dia kemudiannya menarik balik pengakuan tersebut dalam rayuannya. Defendan mendakwa bahawa dia telah diperdaya dan dipaksa untuk melakukan perbuatan zina. Oleh itu, mahkamah agung kemudiannya menjatuhkan hukuman penjara selama dua tahun terhadap defendan sebagai hukuman takzir.⁵²

51 *Sudan Government lwn Kalthoum Khalifa Ajabna* dlm. *The Sudan Law Journal and Reports. The Judiciary (Khartoum)*, hlm. 129–48, 1992.

52 *Sudan Government lwn Kalthoum Khalifa Ajabna* dlm. *The Sudan Law Journal and Reports. The Judiciary (Khartoum)*, hlm. 129–48, 1992.

Analisis Kes

Analisis kes ini akan dimulakan dengan perbincangan tentang perbuatan menarik balik pengakuan yang dilakukan oleh defendan. Berdasarkan fakta kes, pada mulanya defendan membuat pengakuan pada peringkat soal siasat dan perbicaraan kes bahawa dia telah berzina. Namun, kemudiannya dia menarik balik pengakuan tersebut dalam rayuannya di mahkamah agung.

Dalam kes zina, perbuatan menarik balik pengakuan bersalah yang dilakukan tetap diterima mengikut sistem perundangan Islam sebelum sesuatu hukuman dijalankan. Perbuatan tersebut akan membatalkan pelaksanaan hukuman hudud terhadap tertuduh. Prinsip ini adalah berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW tentang peristiwa Maiz ibn Malik yang cuba melarikan diri semasa hukuman rejam sampai mati dijalankan tetapi dia terus direjam sehingga mati. Selepas Baginda diberitahu tentang peristiwa tersebut, Baginda pun berkata, “Kenapa kamu tidak membiarkannya lari dan melepaskan diri daripada hukuman?”⁵³

Sementara itu, Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad berpendapat bahawa perbuatan melarikan diri daripada hukuman bagi sesuatu kesalahan juga sudah cukup dianggap sebagai menarik balik pengakuan yang telah dibuat dan seterusnya membatalkan hukuman hudud tersebut. Namun, menurut Imam Shafii, perbuatan melarikan diri tidak mencukupi dan pengakuan itu mestilah ditarik balik secara formal untuk membatalkan hukuman hudud bagi sesuatu kesalahan.

Oleh itu, tindakan tertuduh yang menarik balik pengakuan bersalahnya pada mana-mana peringkat sebelum sesuatu hukuman dilaksanakan perlu diterima dan hukuman hudud tidak boleh dijatuhkan. Hal ini bermakna tertuduh akan dijatuhkan hukuman takzir sekiranya terdapat bukti boleh dibebaskan jika tiada sebarang bukti.⁵⁴

Dalam kes *Sudan Government Iwn Kalthoum Khalifa Ajabna*, wanita tersebut telah menarik balik pengakuan bersalahnya ketika membuat rayuan di mahkamah agung. Hal ini bermakna tindakan ini boleh diterima oleh mahkamah kerana pengakuan tersebut telah ditarik balik sebelum hukuman dilaksanakan. Mahkamah agung kemudiannya menjatuhkan hukuman penjara selama dua tahun sebagai hukuman takzir terhadap defendan.

Berdasarkan fakta kes, pegawai polis itu telah mengugut defendan untuk menggunakan kuasanya bagi memenjarakannya sekiranya dia membocorkan identiti pegawai polis tersebut atau mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadapnya. Mengikut undang-undang jenayah

53 al-Marbawi, Muhammad Idris, 2008. *Bahr al-Madzi: Syarah Mukhtashar Shahih at-Tirmidzi*. Diterjemahkan oleh Noraine Abu. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, hlm. 112.

54 Anwarullah, 2008. *The Criminal Law of Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm. 158–59.

Islam, sekiranya seseorang wanita ataupun lelaki telah terbukti melakukan perbuatan zina dalam keadaan terpaksa, maka dia tidak akan dikenakan sebarang hukuman sama ada hudud mahupun takzir berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang telah dinyatakan sebelum ini tentang liabiliti dalam sesuatu keadaan terpaksa. Walau bagaimanapun, seseorang yang memaksa orang lain untuk melakukan hubungan seks dengannya boleh dikenakan hukuman hudud atau takzir.

Oleh hal yang demikian, mahkamah seharusnya menyiasat dengan teliti dan memerintahkan supaya defendan wanita mengemukakan bukti yang kukuh bagi membuktikan dakwaan bahawa dia telah dipaksa untuk melakukan hubungan seks dengan pegawai polis tersebut. Hal ini disebabkan beban pembuktian bagi membuktikan bahawa hubungan seks tersebut dilakukan dalam keadaan terpaksa terletak pada wanita itu. Sekiranya wanita tersebut berjaya membuktikan dakwaan tersebut di mahkamah, maka wanita tersebut tidak seharusnya dikenakan sebarang hukuman.

Walaupun bagaimanapun, mahkamah langsung tidak mengarahkan pegawai polis tersebut supaya hadir ke mahkamah untuk menjawab segala dakwaan yang dibuat oleh defendan (Kalthoum Khalifa Ajabna) terhadapnya. Malangnya, hanya defendan sahaja yang dijatuhkan hukuman oleh mahkamah sedangkan pegawai polis telah terlepas daripada dikenakan sebarang tindakan. Berdasarkan takrifan kesalahan zina yang dibincangkan pada bahagian awal makalah ini, zina ialah hubungan seksual yang dilakukan secara sukarela antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang belum berkahwin secara sah. Hal ini bermakna perbuatan zina mestilah sekurang-kurangnya dilakukan bersama-sama oleh lelaki dan wanita. Oleh itu, kedudukan pegawai polis tersebut wajar dibincangkan dalam kes ini kerana perbuatan zina tidak boleh dilakukan secara bersendirian.

Selain itu, isu pembunuhan bayi juga akan turut dibincangkan dengan ringkas supaya kes ini dapat dianalisis dengan lebih menyuruh. Meskipun makalah ini lebih memfokuskan perbincangan terhadap pendekatan mahkamah di Sudan dalam mengendalikan kes yang berkaitan dengan kesalahan zina dan rogol, namun isu ini juga wajar dikaji memandangkan defendan, iaitu Kalthoum Khalifa Ajabna telah membunuh bayinya sendiri. Allah SWT telah berfirman dalam *Surah al-An'am*, ayat 151 yang bermaksud:

Katakanlah: "Marilah supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada

55 *Surah al-An'am* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/6> (Capaian pada 30 April 2012).

mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.”⁵⁵

(Surah al-An‘am 6:151)

Berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat tersebut terdapat tiga larangan yang perlu di jauhi oleh setiap individu Muslim, iaitu dilarang membunuh anak kerana kluatirkan kemiskinan, menghampiri zina dan membunuh jiwa. Oleh itu, jelaslah bahawa Islam melarang umatnya daripada membunuh anak yang dikurniakan oleh Allah SWT meskipun dengan alasan miskin. Selain itu, Nabi Muhammad SAW juga telah bersabda dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban yang bermaksud:

“Daripada Ibn Mas‘ud r.a., beliau bertanya kepada Rasulullah SAW. ‘Apakah dosa yang paling besar? Baginda SAW menjawab, ‘Sekiranya kamu menjadikan tuhan yang setanding dengan Allah, sedangkan Dialah yang mencipta kamu’. Aku bertanya lagi, ‘Kemudian dosa apa?’ Baginda SAW pun menjawab, ‘Sekiranya kamu membunuh anak kamu kerana takut dia berkongsi makanan bersama-sama kamu (kemiskinan)’. Aku bertanya lagi, ‘Kemudian?’ Baginda SAW menjawab, ‘Sekiranya kamu berzina dengan jiran kamu’ ”.⁵⁶

(Ibnu Hibban)

Berdasarkan hadis tersebut, perbuatan membunuh anak telah tersenarai sebagai salah satu dosa besar menurut Islam, iaitu selepas perbuatan menyirikkan Allah SWT. Begitu juga dengan perbuatan membunuh anak dengan alasan bimbangkan kemiskinan, apatah lagi membunuh anak dengan alasan lain seperti anak hasil penzinaan bagi mengelakkan timbulnya dakwaan terhadap perbuatan zina yang dilakukan.

Dalam kes *Sudan Government lwn Kalthoum Khalifa Ajabna*, tertuduh telah membunuh bayinya dengan menanam bayi tersebut di belakang rumahnya bagi mengelakkan timbulnya dakwaan bahawa dia telah melahirkan anak luar nikah. Sungguhpun bayi tersebut merupakan anak luar nikah, tindakan membunuh bayi tersebut merupakan salah satu dosa besar di sisi Islam dan telah jelas dilarang oleh Allah dalam al-Quran.

Secara keseluruhannya, pendekatan mahkamah dalam penyelesaian kes ini telah menunjukkan bahawa sebenarnya bukan mudah untuk mensabitkan

seseorang tertuduh terhadap kesalahan zina. Secara umumnya, beban pembuktian bagi sesuatu kesalahan hudud terletak pada pihak pendakwaan untuk membuktikannya sehingga peringkat yakin bahawa tertuduh telah benar-benar melakukan kesalahan tersebut. Namun, sekiranya tertuduh dalam sesuatu kes zina mendakwa bahawa dia telah melakukan perbuatan zina itu dalam keadaan terpaksa akibat dirogol, diugut, dan sebagainya, maka beban pembuktian pada peringkat ini telah berpindah kepada wanita tersebut untuk membuktikan dakwaannya. Oleh itu, mahkamah seharusnya memberikan peluang kepada wanita tersebut untuk mengemukakan bukti yang kukuh untuk membuktikan dakwaannya dan tidak tergesa-gesa menjatuhkan hukuman sebelum menilai setiap bukti dan keterangan dalam kes tersebut secara menyeluruh.

(c) *Sudan Government lwn al-Sir Muhammad al-Sanussi* [1989]⁵⁷

Fakta dan Keputusan Kes Mahkamah

Pada bulan Disember 1986, seorang lelaki telah membuat laporan di balai polis tentang kes seorang kanak-kanak berusia enam tahun yang ditemuinya sedang terbaring dalam keadaan tidak sedarkan diri dan kanak-kanak tersebut ditemui berhampiran dengan sebuah stadium bola sepak. Pemeriksaan perubatan yang dijalankan telah mengesahkan kanak-kanak tersebut telah dirogol.

Pihak polis kemudiannya memulakan penyiasatan dan akhirnya membawa penangkapan seorang suspek, iaitu al-Sir al-Sanussi yang telah didakwa melakukan kesalahan merogol kanak-kanak. Mahkamah mendapati bahawa suspek telah melarikan mangsa yang sedang bermain bersama-sama adik-beradik dan rakan-rakan sepermainannya di hadapan rumah mereka. Suspek kemudian menyatakan bahawa dia mahu membelikan gula-gula untuk mangsa dan telah membawa mangsa ke satu tempat yang jauh kemudian kanak-kanak itu dirogol dan ditinggalkan dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Mahkamah kemudiannya memutuskan bahawa tertuduh, iaitu al-Sir al-Sanussi didapati bersalah atas dakwaan merogol kanak-kanak tersebut berdasarkan bukti yang dikumpulkan oleh pihak penyiasat dalam kes ini. Antara bukti tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Bukti laporan perubatan yang mengesahkan bahawa mangsa telah dirogol.
2. Keterangan testimoni daripada mangsa, iaitu pengesahan

57 “*Sudan Government lwn al-Sir Muhammad al-Sanussi*” dlm. *The Sudan Law Journals and Reports*, hlm. 108–15.

- tentang kejadian yang membawa pengalaman pahitnya.
3. Fakta bahawa mangsa dan rakan-rakan sepermainannya dapat mengecam tertuduh dengan mudah melalui satu kawad cam yang dilakukan.
 4. Fakta bahawa kesan darah yang ditemui pada pakaian suspek, termasuk dalam kumpulan darah yang sama dengan darah mangsa.

Berdasarkan bukti dan keterangan tersebut, mahkamah memutuskan bahawa tertuduh didapati bersalah atas kesalahan merogol seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 317, Kanun Keseksaan 1983 (melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak), serta dijatuhkan hukuman 10 tahun penjara dan 100 kali sebatan.

Namun, mahkamah agung telah menolak hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah jenayah atas alasan kekurangan bukti untuk menyokong dakwaan melakukan zina dengan kanak-kanak seperti yang diperuntukkan di bawah perkara 316 dan perkara 317 Kanun Keseksaan 1983. Mahkamah agung juga memutuskan bahawa bukti yang terdapat dalam kes ini tidak memenuhi syarat di bawah perkara 77, Undang-undang Keterangan 1983, iaitu wujudnya pengakuan bersalah daripada defendan dan testimoni daripada empat orang saksi lelaki. Oleh sebab terdapat kekurangan bukti untuk membuktikan kesalahan yang diperuntukkan di bawah perkara 317 dan menjatuhkan hukuman di bawah perkara 318, Kanun Keseksaan 1983, maka mahkamah menetapkan bahawa defendan hanya boleh dihukum di bawah perkara 319 yang memperuntukkan perkara berikut:

“Sesiapa yang melakukan perbuatan tidak senonoh terhadap tubuh badan orang lain atau binatang, memaksa seseorang dengan kekerasan atau ugutan supaya menyertainya dalam melakukan perbuatan tersebut, atau cubaan untuk berzina, rogol atau mana-mana perbuatan tidak senonoh terhadap tubuh badan seseorang atau binatang, hendaklah dihukum dengan sebatan dan denda atau penjara”.

Mahkamah agung kemudiannya menyerahkan kembali kes tersebut kepada mahkamah jenayah untuk menjatuhkan hukuman seperti yang terkandung di bawah perkara 319 Kanun Keseksaan 1983 dan tidak menggunakan hukuman asal bagi kesalahan rogol, iaitu hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan 100 kali sebatan.

Analisis Kes

Setelah menganalisis fakta kes dan keputusan mahkamah dalam kes tersebut secara menyeluruh, tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan mahkamah

dalam penetapan hukuman terhadap tertuduh adalah berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Namun, masalah utama yang dihadapi adalah tentang kaedah pembuktian yang sama perlu digunakan bagi membuktikan kesalahan tertuduh dalam kes zina mahupun kes rogol. Pembuktian melalui pengakuan bersalah yang dibuat oleh tertuduh dan testimoni daripada empat orang saksi lelaki untuk membuktikan kesalahan rogol akan mewujudkan suatu elemen ketidakadilan terhadap mangsa rogol. Dalam hal ini, sudah tentunya agak sukar bagi seseorang mangsa rogol untuk membawa empat orang saksi lelaki yang telah melihatnya dirogol sebagai bahan bukti. Meskipun laporan perubatan telah mengesahkan bahawa mangsa sememangnya telah dirogol, namun tertuduh masih dapat melepaskan diri daripada dikenakan hukuman bagi kesalahan rogol di bawah perkara 318, Kanun Keseksaan 1983, iaitu hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan 100 kali sebatan.

Dalam kes ini, tertuduh hanya dijatuhkan hukuman bagi kesalahan melakukan perbuatan tidak senonoh dan cubaan untuk merogol di bawah perkara 319 dan hanya dikenakan hukuman sebatan (tidak dinyatakan bilangan jumlahnya), denda atau hukuman penjara, sedangkan berdasarkan fakta kes, tertuduh, iaitu kanak-kanak itu telah dirogol sehingga tidak sedarkan diri. Perbuatan merogol kanak-kanak di bawah umur merupakan salah satu kesalahan jenayah yang serius dan perogol perlulah dikenakan hukuman berat oleh mahkamah kerana perbuatan tersebut akan meninggalkan kesan yang buruk terhadap mangsa rogol.

Mangsa rogol bukan sahaja mengalami beberapa kecederaan fizikal seperti kesakitan dan lebam pada tubuh badan, malahan turut meninggalkan pelbagai kesan buruk terhadap emosi mangsa. Antaranya mangsa rogol akan sentiasa berada dalam ketakutan, kebimbangan, trauma yang berpanjangan, kemurungan, dan sebagainya.⁵⁸ Kanak-kanak tersebut juga berkemungkinan akan mengalami trauma dalam hidupnya untuk suatu tempoh masa yang panjang, selain berisiko mengalami kesan seperti gangguan tidur, hilang selera makan, perasaan dendam akibat dirogol, dan sebagainya.⁵⁹

Kesan yang mungkin dialami oleh mangsa rogol sepanjang hidupnya jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya suatu hukuman berat dijatuhkan terhadap perogol agar dapat memberikan pengajaran bukan sahaja kepada perogol, malahan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, mahkamah mestilah membuat pertimbangan yang sewajarnya dari pelbagai aspek berdasarkan bukti kukuh tanpa sebarang

58 Daniel Rautio, 2008. "Rape victims" melalui <http://web4health.info/en/answers/sex-rape-effects.htm> (Capaian pada 1 Mei 2012).

59 "The Effects of Rape and Sexual Assault" melalui <http://www.ibiblio.org/rcip/effectsofrage.html> (Capaian pada 1 Mei 2012).

keraguan sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman terhadap tertuduh. Pendekatan ini mestilah diaplikasikan dalam semua jenis kes di mahkamah.

Secara ringkasnya, pendekatan yang diambil oleh mahkamah untuk menyelesaikan kes ini telah menunjukkan bahawa terdapat sedikit kesukaran bagi seseorang mangsa rogol, terutamanya kanak-kanak untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa dia telah dirogol. Oleh itu, sewajarnya peruntukan undang-undang yang memperuntukkan kaedah pembuktian bagi kesalahan rogol itu diubah sedikit supaya keterangan lain seperti laporan perubatan daripada doktor pakar, kesan darah, dan sebagainya dapat dijadikan sebagai bukti kukuh dalam sesuatu kes. Meskipun kaedah pembuktian bagi kesalahan rogol tidak dinyatakan secara jelas menerusi al-Quran, namun terpulang kepada pihak pemerintah dan para hakim untuk sama-sama menyumbangkan idea bagi memikirkan satu mekanisme yang terbaik untuk menyelesaikan isu ini berdasarkan konteks sistem perundangan jenayah Islam. Semoga penambahbaikan yang dilakukan dapat memberikan nafas baharu, terutamanya dari aspek pelaksanaan undang-undang jenayah Islam yang sering kali dikritik oleh pelbagai pihak, termasuklah daripada orang Islam sendiri sejak sekian lama.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang kes zina dan rogol di Sudan, mahkamah di Sudan menganggap bahawa bukti pengakuan, serta dan bukti yang menunjukkan seseorang wanita itu hamil semasa ketiadaan suaminya dan seorang janda yang hamil selepas bercerai, sebagai bukti yang sudah cukup untuk membuktikan bahawa seseorang wanita itu benar-benar telah berzina tanpa mengambil kira faktor kemungkinan wanita itu dirogol atau dipaksa oleh mana-mana lelaki untuk melakukan hubungan seks.

Meskipun mahkamah dalam kes *Sudan Government lwn Kalthoum Khalifa Ajabna* [1992]⁶⁰ hanya menjatuhkan hukuman takzir kepada tertuduh (selepas tertuduh menarik balik pengakuan bersalahnya), namun tertuduh dalam kes *Sudan Government lwn Mariam Ahmad 'Abdallah* [1985]⁶¹ telah dijatuhkan hukuman rejam sampai mati, walaupun dia mendakwa bahawa hubungan seks tersebut dilakukan tanpa kerelaannya. Walaupun tidak dinyatakan secara jelas dalam fakta kes bahawa wanita tersebut mendakwa dirinya telah dirogol, namun dakwaan wanita tersebut bahawa hubungan

60 *Sudan Government lwn Kalthoum Khalifa Ajabna* dlm. *The Sudan Law Journal and Reports. The Judiciary (Khartoum)*, hlm. 129–48, 1992.

61 *Sudan Government lwn Mariam Ahmad 'Abdallah* dlm. *The Sudan Law Journal and Reports.* hlm. 91–103, 1985.

seks tersebut berlaku tanpa kerelaannya tidak dihiraukan oleh mahkamah. Mahkamah sepatutnya memberikan peluang kepada wanita itu untuk mengemukakan bukti dan hujah bagi membuktikan kebenaran dakwaannya. Oleh hal yang demikian, penulis berpendapat bahawa pendekatan yang diambil oleh mahkamah dalam kes tersebut kurang tepat. Allah SWT telah berfirman dalam *Surah al-Ma'idah*, ayat 42 yang bermaksud:

*“Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu, kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah antara mereka (dengan apa-apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling daripada mereka, maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikit pun; dan jika engkau menghukum, maka hukumlah antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”*⁶²

(*Surah al-Maidah 5:42*)

Berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat tersebut, jelaslah bahawa Islam menyeru supaya setiap masalah yang diajukan kepada seseorang hakim hendaklah diselesaikan dengan seadil-adilnya. Para hakim perlulah mendengar keterangan daripada kedua-dua belah pihak dalam sesuatu kes dan tidak tergesa-gesa untuk menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh agar prinsip keadilan dapat ditegakkan seiring dengan seruan Allah SWT.

Di samping itu, peruntukan undang-undang keterangan di Sudan telah memperuntukkan bahawa kaedah pembuktian bagi membuktikan kesalahan rogol adalah sama seperti kaedah pembuktian bagi kesalahan zina, iaitu wujudnya pengakuan bersalah daripada tertuduh dan kehadiran empat orang saksi lelaki. Dalam kes *Sudan Government lwn al-Sir Muhammad al-Sanussi* [1989],⁶³ tertuduh hanya dijatuhkan hukuman bagi kesalahan melakukan perbuatan tidak senonoh dan cubaan untuk merogol di bawah perkara 319 Kanun Keseksaan 1983 dan dikenakan hukuman sebatan (tidak dinyatakan jumlah bilangannya), dan denda atau hukuman penjara, sedangkan berdasarkan pemeriksaan perubatan yang dilakukan terhadap mangsa mengesahkan bahawa mangsa sememangnya telah dirogol. Hal ini disebabkan mangsa rogol yang merupakan seorang kanak-kanak yang berusia enam tahun tidak dapat membawa empat orang saksi lelaki ke mahkamah bagi membuktikan bahawa dia benar-benar telah dirogol. Sekali

62 *Surah al-Ma'idah* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/5> (Capaian pada 1 Mei 2012).

63 *The Sudan Law Journals and Reports*. hlm. 108-115

lagi pendekatan yang diambil oleh mahkamah di Sudan telah menimbulkan ketidakadilan kepada mangsa rogol kerana terdapatnya kesukaran untuk membuktikan jenayah rogol tersebut dengan kehadiran empat orang saksi. Namun, hakim mahkamah tidak boleh disalahkan sepenuhnya kerana undang-undang keterangan di Sudan telah memperuntukkan sedemikian.

Oleh itu, sebaik-baiknya jenayah rogol yang dikategorikan sebagai salah satu kesalahan takzir dan peruntukan undang-undang keterangan yang memerlukan kehadiran empat orang saksi itu perlulah diubah bagi menerima pakai kaedah pembuktian lain seperti ujian DNA, keterangan mangsa, laporan perubatan daripada doktor yang bertauliah, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, peruntukan hukuman bagi kesalahan rogol seperti yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 149 Akta Jenayah Sudan 1991, iaitu hukuman sebat 100 kali dan penjara tidak melebihi 10 tahun wajar dikenakan. Setelah menganalisis kesan yang dialami oleh mangsa rogol, terutamanya dari segi emosi, perogol wajar dikenakan hukuman yang berat dan setimpal dengan kekejaman yang dilakukan terhadap mangsa. Sesungguhnya undang-undang jenayah Islam merupakan suatu sistem perundangan yang digubal oleh Allah SWT untuk diaplikasikan dalam kehidupan manusia. Pihak pemerintah dan pengamal perundangan hendaklah memahami dan melaksanakannya agar menjadi sebuah negara Islam yang ditadbir berasaskan undang-undang Islam yang sebenar.

RUJUKAN

- Abd. al-Qadir Audah, 1994. *At-Tasyri' al-Jinaiy al-Islamiy. Kitab al-Arabi*. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, hlm. 349.
- Abd. Al-Rahman al-Shaykh Muhammad, 1998. *Majma' al-Anhur fi Sharh Multaqaa al-Abhur*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, hlm. 185.
- Abdul Kadir Audah, 1997. *At-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*. Jilid 2. Beirut: Muassasah Risalah, hlm. 646.
- Abdul Karim Zaidan, 1984. *Nizam al-Qada fi al-Shari'at al-Halaniyah*. Baghdad: Matbaah al Ani, hlm. 219.
- Abdullahi Ahmed an-Na'im, 1990. *Toward an Islamic Reformation: Civil Liberties, Human Rights, and International Law*. Syracuse University Press, hlm. 105.
- Abdur Rahman I, Doi, 1984. *Shariah: The Islamic Law*. London: Taha Publishers. hlm. 253.
- Ahmad, Abdul Mun'im al-Bahai', 1965. *Min Turuq al-Ithbatfi al-Syariah Wafi al-Qanun*. Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabi, hlm. 80.

- Al-Dusuki, Muhammad bin Ahmad, 1997. *Hasyiah al-Dusuki Ala al-Sharhu al-Kabir*. Jilid 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 359.
- ‘Ali Ahmad al-Nadwi, 2000. *Al-Qawaid Al-Fiqhiyah: Mafliumuha, Nashatuha, Tathawwuruha, DirasatuMualalafatihaAdillatuha, Muhimmatuha, Tathbiqatuha*. Damsyik: Dar al-Qalam, hlm. 358.
- al-Marbawi, Muhamamd Idris, 2008. *Bahr al- Madzi: Syarah Mukhtashar Shahih at-Timirdzi*. Diterjemahkan oleh Noraine Abu. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, hlm. 112.
- al-Shawkani, Nayl al-Awtar, 1973. *Bab Anna al-Hadd Yasqut al-Syubhat*. Jil. 7. Hadis No 4041. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. hlm. 92.
- al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Khatib, 2000. *Mughni al-Muhtaj li al-Ma’rifat al-Ma’ani alfaz Sharh al-Minhaj*. Jilid 4. Beirut: Darul ‘Ilmiyyah. hlm. 139.
- al-Qaradawi, Yusuf, 2001. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. Diterjemahkan oleh el-Hebawy, Kamal; Moinuddin Siddiqui, M. dan Syed Shukry. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, hlm. 149.
- Anwarullah, 2008. *The Criminal Law of Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm. 113.
- Ashgar Ali Ali Mohamed, 2012. “Implementation of Hudud (or Limits Ordained by Allah for Serious Crimes) in Malaysia” dlm. *International Journal of Humanities and Social Science* 2:3, hlm. 240.
- Bukhari, Muhammad, 1987. *The Translations of the Meaning of Sahih al-Bukhari*. Diterjemahkan oleh M. Khan. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 57.
- Daniel Rautio, 2008. “Rape victims” melalui <http://web4health.info/en/answers/sex-rape-effects.htm> (Capaian pada 1 Mei 2012).
- el-Awa, Mohamed Salim, 1983. *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. Delhi: Markazi Maktabah Islami, hlm. 106–09.
- Geetanjali Misra dan Radhika Chandiramani, 2005. *Sexuality, Gender and Rights – Exploring Theory and Practice in South and Southeast Asia*. New Delhi: Sage Publications India Pte. Ltd., hlm. 201.
- Hanibal Goitom, 2014. *Laws Criminalizing Apostacy in Selected Jurisdictions*. The Law Library of Congress: Global Legal Research Center, hlm. 15.
- Hashim Kamali, 2000. *Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments*. Ilmiah Publishers, hlm. 145.
- Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin, 1979. *Rad al-Muhtar ‘ala al-Dar al-Mukhtar*. Edisi Kedua. Jilid 1. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 247.
- Ibnu al-‘Arabi, Muhammad ibn Ahmad, 1984. *Ahkam al-Quran*. Jilid 2, Beirut:

- Dar al-Fikr al-Arabi. hlm. 95.
- Ibn Hibban, 1993. *Sahih ibn Hibban*. Beirut: Mu'assasahar-Risalah, hlm. 263.
- Ibnu Qudamah. *Al-Mughni*. Jilid 10, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. hlm. 93, 121.
- Imam Malik, 1982. *Al-Muwatta'*. Diterjemahkan oleh Aish Abdarrahman at-Tarjuman dan Ya'qub Johnson. Cambridge: Diwan Press, hlm. 392.
- Imran, Rahat, "Legal Injustices: The Zina Hudood Ordinance of Pakistan and Its Implications for Women" dlm. *Journal of International Women's Studies* 7:2, hlm. 78, 2005.
- Ken Benedict Gravelle, "Islamic Law in Sudan: A Comparative Analysis" dlm. *5 ILSA J. Int'l & Comp. L.* 1998–1999, hlm. 3–4, 1998.
- Law of Evidence*, 1983. *Special Legislative Supplement to the Democratic Republic of the Sudan Gazette*.
- Mukhtasar Sahih al-Bukhari, 1994. *Summarized Sahih Al-Bukhari*. Riyadh: Darul Salam, hlm. 563 (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Muslim, 1986. *Sahih Muslim wa Sharh al-Nawawi*. Jilid 11. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 204.
- Mustafa al-Bugha dan Muhyiddin Misto, 1995. *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., hlm. 445.
- Ratna Osman, 2011. "Hudud law discriminatory" melalui <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.908.121> (Capaian pada 25 April 2012).
- Safwat, Safia M., 1982. *Offences and Penalties in Islamic Law*. Islamic Quarterly. hlm. 175.
- Sahih al-Bukhari, 1997. *Kitab al-Hudud*. Jilid 8. Riyadh: Darul Salam, hlm. 207.
- Sayyid Sabiq, 1995. *Fiqh al-Sunnah*. Edisi ke-10. Jilid 2. Dar al-Fikr: Beirut, hlm. 450.
- Surah al-Isra'* melalui <http://www.surah.my/17> (Capaian pada 12 April 2012).
- Surah al-Maidah* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/5> (Capaian pada 30 April 2012).
- Surah al-Nur* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/24> (Capaian pada 25 April 2012).
- Surah Yunus* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/10> (Capaian pada 26 April 2012).
- Surah Yusuf* dlm. *Tafsir al-Quran Bahasa Melayu* melalui <http://www.surah.my/12> (Capaian pada 28 April 2012).
- "The Effects of Rape and Sexual Assault" melalui <http://www.ibiblio.org/rcip/>